

Dr M tidak percaya selagi tiada kenyataan rasmi

BH - 25/11/2004: 6

PENDANG: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, buat masa sekarang beliau tidak percaya Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sudah melepaskan semua jawatannya dalam Pas.

Katanya, beliau hanya akan mempercayainya jika Nik Aziz sendiri membuat kenyataan.

"Selagi dia tidak membuat kenyataan rasmi dan selagi tidak ada surat letak jawatan, saya tidak percaya, kerana masa dulu apabila saya hendak meletak jawatan dia tak percaya, dia kata saya buat omong kosong. Jadi sekarang saya pun tidak percaya," katanya ketika diminta mengulas laporan sebuah akhbar yang melaporkan bahawa Nik Aziz telah melepaskan jawatan Mursyidul Am dan Pesuruhjaya Pas Kelantan.

Dr Mahathir, yang ditemui pemberita selepas majlis perjumpaan mesra bersama warga tua dan remaja di Kampung Charok Kudong di sini, semalam berkata, satu lagi sebab mengapa beliau sukar hendak percaya adalah sikap Nik Aziz yang amat minat dengan politik.

"Dia begitu berminat dengan politik, takkan dia nak lepas jawatan. Masa dia sedang menerima rawatan (akibat sakit jantung baru-baru ini), dia pernah kata tak sabar hendak keluar hospital dan kembali berkempen," katanya.

Sebelum itu ketika berucap pada majlis itu, yang turut dihadiri isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Dr Mahathir mengimbau kembali kawasan Charok Kudong itu yang menjadi kawasan pertama yang dilawatinya apabila menjadi calon parti Perikatan (sekarang Barisan Nasional) bagi kerusi Parlimen Kota Star Selatan pada pilihan raya umum 1964.

Beliau juga pernah menjadi anggota Umno cawangan itu selama lima tahun selepas diminta oleh penduduk kampung berkenaan supaya beliau menyertai cawangan berkenaan yang baru ditubuhkan.

"Saya bangga apabila datang semula ke sini hari ini untuk menyaksikan kampung ini sudah membangun," katanya.

Mengenai cadangan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung itu Md Khatib Lateh ketika ucapan aluannya supaya Dr Mahathir menghantar seorang anaknya menjadi anggota Umno cawangan berkenaan bagi 'meneruskan keahlian Dr Mahathir', Dr Mahathir berkata, beliau akan memujuk anaknya tetapi tidak pasti siapakah yang akan dipujuk.

Dalam ucapan itu juga Dr Mahathir berkata bahawa sebelum 'pejam mata', beliau ingin melihat orang Melayu menjadi golongan peniaga yang berjaya di negara sendiri dan perkara itu boleh dicapai jika mereka mengubah sikap daripada malas berusaha. — Bernama